



# **TATACARA PENULISAN E-FOLIO: KONSEP MAJALAH**

**NURUL ASMA EFFENDI  
WAN NOR HASNAH WAN YUNUS**



# **TATACARA PENULISAN E-FOLIO: KONSEP MAJALAH**

**NURUL ASMA EFFENDI  
WAN NOR HASNAH WAN YUNUS**

*Penasihat*  
Izzat Amin bin Mohd Nasir

*Editor*  
Nurul Asma bt Effendi

*Penulis*  
Nurul Asma bt Effendi  
Wan Nor Hasnah binti Wan Yunus

*Konsep dan Susun Atur E-buku*  
Nurul Asma bt Effendi

*Terbitan Edisi 2025*

*Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat, sama ada dengan cara elektronik, gambar dan rakaman serta sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia terlebih dahulu.*

e ISBN 978-629-7778-03-7

*Diterbitkan oleh:*  
Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah  
Kulim Hi-Tech Park  
09090 Kulim  
Kedah

*Tatacara penulisan e-folio : konsep majalah*




# PENGHARGAAN

*Alhamdulillah, segala puji bagi Allah Tuhan Rabbul Izzah. Selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Syukur, ya Rahim atas izin-Nya kami dapat menerbitkan e-Buku Tatacara Penulisan e-folio : konsep majalah buat rujukan pelajar dalam menghasilkan sebuah majalah sebagai memenuhi tugasan e-folio. Setinggi penghargaan buat rakan penulis dalam sama-sama menjayakan e-buku ini sehingga ia diterbitkan dalam bentuk elektronik.*

*Juga sekalung kasih buat ibu, ayah, suami tersayang atas sokongan dan dorongan yang tidak ternilai dalam penerbitan e-Buku ini. Tidak lupa, kepada anak-anak tercinta, kalian adalah sumber kebahagiaan dan kebanggaan kami.*

*Insyaallah, semoga dengan wujudnya e-Buku ini ia membantu memberikan bimbingan kepada pelajar dalam meluahkan idea untuk berkreativiti melahirkan sebuah karya ilmiah buat tatapan ummah.*

*"Jadilah insan yang sentiasa mencari ilmu kelak akan terlepas dari belenggu kejahilan".*



# SINOPSIS


Selamat menyelusuri e-Buku yang bertajuk "Tatacara Penulisan e-folio : konsep majalah ". Dalam dunia penulisan yang sentiasa berkembang, kemampuan untuk menghasilkan karya yang berkualiti adalah kunci kejayaan.

Karya ini dihasilkan dengan niat untuk membimbing penulis, editor, dan sesiapa sahaja yang berminat dalam dunia majalah, melalui proses penulisan yang sistematik dan kreatif.

Dalam e-Buku ini, anda akan menemui pelbagai panduan, tips berguna, dan contoh praktikal yang dapat membantu memperkuuhkan kemahiran penulisan anda. Setiap bab dirancang untuk membangunkan pemahaman mendalam mengenai struktur, gaya, dan teknik penulisan yang berkesan.

Kami berharap e-Buku ini dapat menjadi sumber inspirasi dan rujukan yang bermanfaat, serta mendorong anda untuk mencipta karya yang bukan sahaja menarik, tetapi juga memberi impak kepada pembaca.

"Selamat Berkarya!"



# *Isi* KANDUNGAN

## **2 Perincian Tugasan**

Prasyarat penulisan e-folio  
Contoh tajuk pilihan

## **4 Panduan Penyediaan Muka Hadapan**

Cara menulis isi kandungan  
Cara menulis sidang redaksi

## **8 Proses Menulis**

Langkah 1 : Fokus Tajuk  
Langkah 2 : Pemilihan Tapak  
Langkah 3 : Rujuk Contoh

## **13 Panduan Pemilihan Warna**

Cara memilih warna tulisan yang sesuai dengan gambar latar

## **22 7 Petua Penyediaan e-folio yang baik**

Bimbingan dalam memastikan penulis mempunyai idea disepanjang proses menulis

## **29 Senarai Semak**



Senarai susunan yang perlu ada dalam memenuhi kehendak e-majalah



“ daya penarik yang baik adalah dengan kaedah susunan gambar dan isi yang bersesuaian. anda boleh memilih disisi mana susunan itu boleh dibuat sama ada dalam bentuk pembahagian atas bawah atau kiri kanan. Terpulang kepada kreativiti anda. Pastikan setiap ruang dimanfaatkan

# e-folio berkonsepkhan majalah

- Majalah penuh informasi
- Susunan isi berbentuk infografik
- isi diterjemahkan melalui paparan gambar
- sumber yang sahih (APA Style)
- Info tambahan
- iklan ilmiah
- Isu semasa yang terkini
- peraduan
- teka silang kata



Syarat umum  
tugasan e-majalah  
yang wajib dipatuhi  
oleh pelajar iaitu :-

#### PERINCIAN TUGASAN E-FOLIO:

1. Tugasan ini dibuat secara berkumpulan yang terdiri daripada 2-4 orang ahli sahaja.
2. Setiap kumpulan dikehendaki membuat dan menghantar 1 tugasan E-Folio berdasarkan tajuk-tajuk yang disenaraikan oleh Pensyarah Kursus.
3. Bilangan muka surat E-Folio yang dihasilkan adalah minimum 15 muka surat termasuk muka hadapan, isi kandungan dan rujukan.
4. Pelajar boleh menggunakan sebarang aplikasi yang bersesuaian untuk menghasilkan E-Folio.
5. Sebarang plagiarisme adalah dilarang sama sekali.
6. Tugasan ini mesti mengikut format berikut :
  - Muka hadapan (Nama & Kod Kursus, Nama ahli kumpulan, no pendaftaran, sesi pengajian, tajuk & nama pensyarah kursus)
  - Isi kandungan
  - Prakata
  - Isi (i. Pengenalan/ Definisi/ Konsep ii. Punca/ Faktor iii. Kesan iv. Langkah/ Kaedah/ Cara mengatasi v. Komen/cadangan/ pandangan terhadap isu)
  - Penutup/ Kesimpulan
  - Rujukan
7. Penggunaan imej, gambarajah, jadual dan graf amat digalakkan.
8. Sekurang-kurangnya 5 rujukan perlu disenaraikan yang terdiri daripada buku, jurnal, artikel dan laman sesawang.
9. Format penulisan rujukan berdasarkan format *American Psychology Association (APA)* seperti berikut :

Nama penulis, Tahun, Judul buku, Tempat dan Penerbit

Shamsul Amri Baharuddin.(2012). Modul Hubungan Etnik. Bangi: UKM
10. Tugasan yang dihasilkan perlu dihantar dalam bentuk *link* atau *softcopy* mengikut platform yang disediakan pensyarah kursus masing-masing.
11. Setiap kumpulan tidak dibenarkan memaparkan isu-isu sensitif yang boleh mengganggu atau menggugat keharmonian antara kaum, budaya, agama dan masyarakat Malaysia.
12. Setiap ahli kumpulan wajib memberi kerjasama dalam menyiapkan tugasan. Sekiranya terdapat ahli kumpulan yang tidak memberi kerjasama, ahli kumpulan berhak mengeluarkan mana-mana ahli kumpulannya dan pensyarah berhak mengambil tindakan yang sewajarnya.



“Kenal pasti tajuk pilihan anda sebelum memulakan penulisan. Berbincang dengan ahli kumpulan itu adalah perkara yang perlu bagi mencapai kata sepakat. Anda boleh membuat carian di laman sesawang bagi mendapatkan maklumat berkaitan tajuk. Namun yang utama bertanyalah kepada pensyarah anda jika tidak faham tentang kehendak tajuk.”

## CONTOH TAJUK PILIHAN E-FOLIO

- 1.Utuhkah perpaduan rakyat berbilang bangsa di Malaysia?
- 2.Kelantan wajar dijadikan contoh lambang keutuhan pelbagai kaum
- 3.Benarkah makanan menyatukan hati pelbagai kaum di Malaysia?
- 4.Wajarkah Kontrak Sosial dicabar?
- 5.Perlukah unsur-unsur tradisi pada Perlembagaan Persekutuan digugurkan?
- 6.Raja berperlembagaan tidak wajar ditentang
- 7.Bahasa Melayu wajar dijulang dan dimartabatkan berbanding Bahasa Asing
- 8.Nilai Masyarakat Majmuk di Malaysia menarik perhatian Warga Dunia
- 9.Jenayah buli cyber menjelaskan pembinaan Negara Bangsa
- 10.Rukun Negara penyatu masyarakat majmuk di Malaysia

# PANDUAN PENYEDIAAN MUKA DEPAN

Oleh Nurul Asma Effendi

Jurufoto : Canva (nama jurukamera)

Pilih tajuk utama/ tema yang bersesuaian. Pastikan tajuk yang anda karang mampu menarik minat pembaca untuk terus membaca.

Tajuk-tajuk penting yang hendak diketengahkan pilih 3-5 sahaja untuk diletakkan pada bahagian muka hadapan.

Pilihan warna tulisan tajuk dengan gambar latar pastikan tidak menenggelamkan warna tulisan sehingga sukar untuk dibaca

Pemilihan gambar yang berkaitan dengan isu yang hendak diketengahkan juga adalah sangat penting.

“ Infografik : Grafik atau diagram yang memberikan data secara visual, membantu pembaca memahami informasi dengan lebih mudah.

“  
CONTOH MUKA  
HADAPAN  
E-MAJALAH

Isu No  
1

# AL-JAZARI

PENYULUH JALAN MENUJU ILAHI

Lensa Jiwa  
Bahagia - ms 09

Sejenak  
Menyingkap  
Hikmah - ms  
13

Cermin Diri -  
ms 23



eISSN 2811-4035



**“** Isi kandungan/ senarai kandungan adalah perkara yang **WAJIB** ada dalam rangka majalah. Pastikan **nombor muka surat** ditulis dengan betul. Kaedah bagaimana adalah bergantung kepada kreativiti ahli kumpulan. Nak mudah pilih sahaja variasi di canva.com **”**

# CONTOH ISI KANDUNGAN

5

## Proses Menulis

Fokus, Pilih, Rujuk



7

## Panduan Pemilihan warna

Warna latar + warna tulisan

9

## Pentingkah Ruangan Sisipan

Gambar, graf, susunan grafik, sisipan, info tambahan, iklan

11

## Senarai Semak

Susunatur majalah

# CONTOH SIDANG REDAKSI

04-4033333

<https://ptsb.mypolycc.edu.my/index.php/ms/>

“ Sidang Redaksi & Dari Meja Editor perkara WAJIB perlu ada dalam satu muka surat. Part Sidang redaksi pastikan anda menulis nama penaung (pengarah institusi), penasihat (pensyarah anda), Part Ketua editor, ketua grafik isikan nama pelajar beserta no matrik. Seterusnya Dari meja editor itu adalah ayat ketua editor sebagai kata-kata aluan ”

## DARI MEJA KETUA EDITOR

Segala puji hanya kepada Allah Tuhan sekalian alam dengan rahmatNya kami dapat menerbitkan e-majalah sebagai rujukan buat pelajar dalam membimbing pelajar Kursus Penghayatan Etika & peradaban dalam menghasilkan sebuah e-majalah yang lebih kreatif dan berilmiah.

ucapan penghargaan ini juga ditujukan khas buat suami tersayang yang sentiasa menjadi tulang belakang disepanjang pemprosesan majalah ini dibangunkan. Tidak dilupakan buat rakan sekerja Puan Zuraiha yang memberikan cadangan dan idea agar e-book ini diterbitkan buat rujukan pelajar politeknik. Jazakumullahukhoir

### Penaung

Haji Mohd Ruzi bin Hamzah (Nama Pengarah)

### Penasihat

Nurul Asma bt Effendi (Nama Pensyarah)

### Ketua Editor

Nurul Asma bt Effendi

### Ketua grafik

Nurul Asma bt Effendi

### Ajk Sidang Redaksi

Wan Nor Hasnah Binti Wan Yunus



*Nurul Asma*

KETUA EDITOR

# PROSES MENULIS

Oleh Nurul Asma Effendi

Photography by Francois Mercer

“  
Pastikan pemilihan gambar tidak mengganggu isi yang hendak disampaikan. Penyampaian yang baik adalah melalui tulisan isi yang jelas beserta pemilihan warna yang tepat  
”

Menulis memerlukan idea yang bernalas dan kreatif. Tanpa membaca tak mungkin anda dapat menulis dengan baik. Oleh itu, jadikan membaca sebagai amalan harian anda!



“ Masukkan penerangan ringkas berkaitan isi yang hendak disampaikan. Letakkan nama penulis serta sumber dari mana anda mendapatkan isi tersebut. Jangan lupa untuk menulis tajuk utama pada bahagian atas

Oleh Nurul Asma Effendi  
Jurufoto : canva(nama jurukamera)

Menulis bukanlah seni yang wujud sejak azali namun ia perlu dipelajari setiap waktu sehingga seseorang menjadi mahir. Menulislah dari hari kerana ia akan sampai kepada jiwa yang membaca. Selamat menulis

## 1 | FOKUS

## 2 | PILIH

## 3 | RUJUK

# Langkah 1: Fokus Tajuk

## 1. Fahami Tajuk

Cari maksud kehendak tajuk yang anda pilih. Apa maksud tajuk? Penting, agar tajuk yang dihurai tidak menyimpang. Rujuk Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka <https://prpm.dbp.gov.my>



## 2. Elakkan Plagiat

- Pastikan anda tidak ‘copy & paste’ secara semborono bagi mengelakkan tajuk dan isi menyimpang.
- Respon dari anda sendiri berkaitan tajuk adalah sangat DIGALAKKAN
- Pastikan kesimpulan dari ayat ANDA SENDIRI bukan dari google



## 3. Dapatkan Input

- Setelah anda faham maksud kehendak tajuk, cari sumber yang sahih bukan di blog
- Anda boleh membuat carian artikel berkaitan tajuk di google scholar
- Dapatkan gambarajah/ graf/ statistik berkaitan isu yang dibahas agar penyataan anda terlihat kukuh



# Langkah 2 : Pemilihan Tapak

## 1. Pilih Platform Yang Tepat

Pemilihan platform amat penting kerana jika anda kurang mahir menggunakan platform tersebut ia akan membuatkan majalah anda kelihatan kaku. bincang bersama rakan kumpulan anda dan tentukan bersama-sama. Contoh platform paling mesra untuk aktiviti berkumpulan ialah canva.com



## 2. Rekabentuk

Setelah selesai menentukan platform mana yang hendak digunakan anda boleh berbincang untuk meletakkan tema warna dan gambar yang bersesuaian dengan topik yang hendak diketengahkan. Ia penting agar warna tema anda tidak kelihatan berserabut



## 3. Tulisan

Tentukan **saiz dan jenis tulisan** yang bersesuaian untuk majalah anda. Pastikan saiz yang digunakan adalah jelas dan tidak terhalang dengan gambar latar sehingga isi yang hendak disampaikan kelihatan kabur.



# Langkah 3 : Rujuk Contoh

## 1. Majalah digital

Anda boleh mencari majalah-majalah digital yang terdapat ditanian bagi mendapatkan gambaran berkaitan majalah.

Antara contoh majalah digital yang boleh dijadikan sebagai sumber rujukan ialah :-

### 1. Majalah al-Irsyad

<https://www.ptss.edu.my/v9/index.php/sumber/buletin/al-irsyad>

### 2. Majalah KKM

<http://myhealth.moh.gov.my/majalah/>

### 3. Majalah JPM

[https://dbook.penerangan.gov.my/dbook/documents/jendela\\_124/mobile/index.html](https://dbook.penerangan.gov.my/dbook/documents/jendela_124/mobile/index.html)

## 2. Majalah di Pasaran

Banyakkan membaca, anda boleh dapatkan majalah di perpustakaan atau kedai-kedai buku terkemuka bagi melihat gaya susunan isi, grafik, pemilihan warna dan gambar yang sangat teliti. Secara tidak langsung boleh memberikan idea buat ahli kumpulan menerbitkan sebuah majalah yang kreatif dan berinformasi



Antara contoh majalah yang terdapat di pasaran Majalah Solusi, Majalah al-Ustaz, Majalah Gen-Q dan banyakkan lagi.

# Panduan Pemilihan Warna

“ Anda boleh membuat pilihan warna tulisan dan latar yang bersesuaian agar isi yang disampaikan tidak terhalang dari mata pembaca ”

Oleh Nurul Asma Effendi  
Photography by Francois Mercer

Sebelum menulis anda perlu menjadi seorang pemerhati yang baik. Perhatikan setiap sudut pandang bagaimana penulis-penulis lain berkarya. Pelajari setiap teknik kreatif yang tertonjol lama kelamaan karya anda juga mungkin sehebat mereka.

HUE	LR(%)
RED	13
YELLOW	71
BLUE	15
ORANGE	34
GREEN	17
PURPLE	18
PINK	30
BROWN	14
BLACK	8
GREY	19
WHITE	85
BEIGE	61

/designworkplan

CONTRAST VALUE AND RELATIONSHIP

82	13	62	24	28	56	7	38	32	84	78
82		79	52	76	75	58	80	89	73	16
13	79		56	12	17	50	7	47	21	82
62	52	56		50	47	12	59	76	44	60
24	76	12	50		6	43	18	53	11	80
28	75	17	47	6		40	22	56		79
57	58	50	12	43	40		53	73	37	65
7	80	7	59	18	22	53		43	26	84
38	89	47	76	53	56	73	43		58	91
32	73	21	44	11	5	37	26	58		78
84	16	82	60	80	79	65	84	91	78	
78	74	75	44	72	70	51	77	89	69	28

— Arthur & Passini 1992

Sumber: <https://www.designworkplan.com/read/signage-and-color-contrast>

# CARA MENULIS ARTIKEL

Isi yang hendak disampaikan dalam bentuk penulisan eseи boleh ditulis dengan rupa kaedah seperti paparan yang anda lihat ini.

Isi yang baik mestilah menggunakan huraian yang jelas dan padat. Anda boleh variasikan susunan isi walaupun dalam bentuk eseи. Ada sesetengah penulis cuba mewarnakan (*bold*) isi yang hendak disampaikan agar mata pembaca terus terlihat isi penting tersebut walaupun ditulis dalam bentuk eseи.

Isi yang disampaikan jika bukanlah dari idea anda perlu disertakan bersama dengan **rujukan**. Ia penting supaya anda tidak dituduh sebagai plagiat hasil kerja mereka.

Isi yang hendak disampaikan biarlah **bertepatan dengan topik utama** dan tidak tersasar dari matlamat asal penulisan. Kerjasama yang baik antara penulis sangat penting agar isi yang disampaikan mempunyai kesinambungan topik.

Rujukan yang dimasukkan dalam teks, samada sumber rujukan itu telah diterbitkan atau tidak hendaklah direkodkan.

Sumber rujukan **WAJIB** ditulis disetiap hujung/bawah lampiran penulisan. Ia bertujuan bagi memudahkan pembaca mengakses laman tersebut jika ingin mendapatkan maklumat lebih berkaitan topik

Sumber :  
<https://www.scribd.com/doc/101837908/Sumber-Rujukan>



Anda pernah alami saat sedang menulis tiba-tiba idea menjadi kabur? Itu adalah biasa bagi seorang penulis. Adakalanya idea yang hendak disampaikan menjadi terbatas atau kabur atas beberapa faktor sama ada disebakan oleh faktor luaran atau dalaman.

Namun, jangan takut untuk menulis, anda boleh tambah baik nilai diri dengan menghadiri seminar penulisan atau mendengar ceramah/ bengkel dari YouTube yang dikongsikan oleh penulis. Ia sangat membantu untuk anda luahkan penulisan anda dalam bentuk tulisan.

Ambil masa untuk tenangkan diri dan berdamai dengan persekitaran boleh membuatkan diri anda lebih bersifat terbuka. Ia sedikit sebanyak dapat membantu anda untuk memulakan penulisan.

Apa pun selamat menulis, anda tulis dan rasai pengalaman baru. Selagi anda tidak mulakan pengalaman itu tak mungkin akan muncul. Mula-mula mungkin terasa janggal atau sukar namun apabila minat mula muncul jari-jari anda mula laju melakarkan idea yang tersimpan dalam minda anda.

*Menulislah kerana ia sebahagian dari luahan rasa yang membantu anda untuk melepaskan diri dari bebanan emosi.*

Membaca secara konsisten merupakan asas penting dalam meningkatkan kemahiran menulis. Melalui pembacaan, seseorang dapat memperluas kosa kata, memahami struktur ayat yang berkesan, dan mengenali pelbagai gaya penulisan. Selain itu, pembacaan yang meluas membolehkan penulis memperoleh idea baharu dan perspektif yang lebih mendalam, seterusnya memperkayakan kandungan penulisan mereka.

Di Malaysia, budaya membaca menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan. Menurut Kajian Profil Membaca Rakyat Malaysia 2022/2023 dalam Sinar Harian yang dijalankan oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), rakyat Malaysia kini membaca purata 24 naskhah buku setahun, berbanding hanya dua naskhah pada tahun 2005 dan 15 naskhah pada tahun 2014.

Selain itu, kajian tersebut mendapati bahawa rakyat Malaysia memperuntukkan masa selama sembilan jam 22 minit seminggu untuk membaca, dengan 69.9% daripada mereka membaca untuk meningkatkan ilmu pengetahuan.

**Kadar minat membaca rakyat Malaysia kini hampir 90 peratus**

23 Oktober 2024 09:56am  
Masa membaca: 6 minit

[Facebook](#) [Twitter](#) [WhatsApp](#)



Gambar yang ada kaitan dalam artikel.  
Sumber gambar jangan lupa nyatakan.

Sumber:  
<https://www.sinarharian.com.my/article/692586/berita/nasional/kadar-minat-membaca-rakyat-malaysia-kini-hampir-90-peratus>

# PENTINGKAH RUANGAN SISIPAN?

Ya, Sangat penting walaupun ia terlihat kecil pada pandangan mata anda. Sisipan merupakan satu elemen tambahan yang dimasukkan ke dalam sesuatu teks untuk memberikan informasi lanjut kepada pembaca.

Selain itu, melalui kaedah ini juga ia dapat memastikan ruangan-ruangan kosong terisi dengan perkara-perkara yang bermanfaat. Antara contoh maklumat sisipan yang boleh dimasukkan ialah berkaitan iklan, kata-kata hikmah, peraduan, info tambahan, tip dan sebagainya.

“ Bagi mengelakkan ruang terbiar kosong anda boleh masukkan **tip/ info** yang bersesuaian. Ia merupakan salah satu alternatif untuk menarik minat pembaca selain mendapat maklumat khusus berkaitan topik pembaca juga dapat mengetahui isu-isu luar yang terkini ”

“ Info Tambahan/Kata-kata hikmah TIDAK WAJIB dimasukkan namun jika ada di dalam majalah ia menjadi sebagai daya penarik kepada pembaca untuk terus membaca majalah anda. ”

*Hidup ini adalah sebuah persinggahan... jadikan perjalanan hidup ini sebagai sebuah kehidupan yang bermakna. -nurdaie-*

# RESPONS ISU SEMASA

## Kes Buli Siber Esha: Wanita didenda RM100, pemandu lori mengaku salah buat penghantaran lucu

Oleh Suraya Roslan - Julai 16, 2024 @ 2:48pm  
surayaroslan@mediaprime.com.my



KUALA LUMPUR: Dua individu didakwa di dua mahkamah hari ini berkait kematian seorang pempengaruh TikTok dikenali Rajeswary atau Esha yang ditemukan meninggal dunia dipercayai menjadi mangsa buli siber, 5 Julai lalu.

Di Mahkamah Majistret, seorang pemilik sebuah rumah kebijakan didenda RM100 kerana mengeluarkan kata-kata kesat menerusi akaun TikToknya yang membangkitkan kemarahan.

Wanita itu, P Shalini, 35, mengaku bersalah dan perkara pertuduhan dikemukakan di hadapan Majistret M S Arunjothy.

- Isu semasa yang ingin diketengahkan mesti **relevan dengan topik yang dibahas**.
- Cari isu melalui arkib berita dan pastikan ia bukan isu lama, dengan fokus dari tahun 2020 hingga 2024.
- Gunakan snipping tool untuk menangkap gambar isu tersebut dengan jelas.
- Respons mestilah dengan menggunakan **ayat sendiri**

“Saya rasa isu ini perlu...” Mia-



# CONTOH RESPON

# ISU SEMASA

## Kes buli pelajar perempuan: Mangsa tarik laporan polis

Oleh Muhammad Zulsyamini Sufian Suri · Jun 27, 2024 @ 7:17pm  
bhnews@bh.com.my



Satu rakamanvideo menunjukkan seorang pelajar ditampar rakannya dipercaya berlaku 13 Jun lalu di sebuah sekolah menengah jenis kebangsaan di Kerian. Foto media sosial

IPOH: Kejadian buli membabitkan beberapa pelajar perempuan dari sebuah sekolah menengah jenis kebangsaan di daerah Kerian di Parit Buntar hampir

selesai apabila mangsa kes itu menarik semula laporan polis yang dibuat.

Perkara itu dinyatakan Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Belia dan Sukan Perak, Khairudin Abu Hanipah yang menjelaskan penyelesaian dicapai apabila adanya permuaafakan yang disusun atur Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan pihak sekolah bersama keluarga mangsa dengan keluarga pelaku.

<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/06/1264136/kes-buli-pelajar-perempuan-mangsa-tarik-laporan-polis>

"Kejadian buli di sebuah sekolah menengah di Kerian yang melibatkan pelajar perempuan adalah isu yang sangat serius. Walaupun laporan polis telah ditarik selepas permuaafakan antara keluarga mangsa dan pelaku, kita perlu mengutamakan keselamatan dan kesejahteraan semua pelajar. Tindakan tegas perlu diambil terhadap pelaku mengikut peraturan Kementerian Pendidikan untuk memastikan mereka memahami kesan tindakan mereka. Kes ini juga menunjukkan betapa pentingnya pendidikan mengenai empati dan menghormati sesama rakan di sekolah. Kita harus berusaha untuk mencipta persekitaran yang selamat dan menyokong bagi semua pelajar."

-Remy-



# RESPONS NETIZEN BERKAITAN ISU

“ Sebelum melakukan sesi temubual, mohon keizinan terlebih dahulu. Jika responden bersetuju, ambil gambar sebagai bukti. Namun, jika mereka tidak mahu wajahnya dirakam, ambil gambar dari belakang sahaja.

Respon boleh diberikan melalui 2 kaedah iaitu:

## 1. TEMUBUAL

Anda boleh menemuramah 2 orang responden yang terdiri dari ahli komuniti. Soalan yang ditemuramahkan mestilah telah disemak bersama penasihat anda sebelum diajukan kepada masyarakat berkaitan isu yang dibahaskan.

## 2. SOALSELIDIK

Anda boleh menghantar soalan melalui poll telegram/ WhatsApp/Google Form kepada responden. Jumlah responden mestilah 15-20 orang. Data hendaklah dipersembahkan melalui carta pai (Demografi : Jantina/umur/tahap pendidikan/bangsa/agama)



# **RESPONS PENULIS BERKAITAN ISU**



## **Respons Ahli 1**

“Pada pandangan saya isu ini merupakan isu yang wajar diketengahkan dan semua lapisan masyarakat perlu berganding bahu dalam membanteras isu buli. Ia wajib dibanteras .....



## **Respons Ahli 2**

“Saya rasa isu buli ni dah terlalu lama berakar umbi dalam kehidupan masyarakat kita. Dah tiba masanya setiap ibu bapa memainkan peranan penting kerana ...”



## **Respons Ahli 3**

emmm..bagi saya sebenarnya yang main peranan adalah pihak industri perfilman. Sebab mereka yang menayangkan cerita...”

# **7 PETUA PENYEDIAAN E-FOLIO YANG BAIK**

## **1. Fahami Tema dan Objektif**

- Pastikan anda memahami tajuk dan matlamat tugasan.
- Tentukan sudut pandang atau pendekatan yang ingin diketengahkan dalam majalah.

## **2. Pecahkan Repada Bahagian Utama**


- Pendahuluan – Perkenalkan topik dengan ringkas.
- Artikel Utama – Terangkan isi penting, sejarah, atau perkembangan topik.
- Temu Bual/Kajian Kes – Jika sesuai, sertakan temu bual atau contoh kes berkaitan.
- Infografik/Fakta Menarik – Sertakan elemen visual untuk menarik perhatian.
- Kesimpulan dan Rumusan – Ringkaskan dapatan utama dan cadangan.

### 3. Lakukan Kajian Awal Dengan Menggunakan Pelbagai Sumber Rujukan

- 📌 Buku & Jurnal – Dapatkan maklumat yang lebih sahih dan akademik.
- 📌 Artikel Berita – Untuk mendapatkan maklumat terkini dan relevan.
- 📌 Laman Web Rasmi & Kerajaan – Sumber seperti UNESCO, KPM, WHO, dsb.
- 📌 Temu Bual atau Kajian Kes – Jika sesuai, lakukan temu bual dengan pakar atau individu berkaitan.
- 🔍 Tip: Gunakan Google Scholar (<https://scholar.google.com/>) untuk mencari artikel akademik.

### 4. Gunakan Peta Minda untuk Susun Idea

- ✓ Buat peta minda sebelum menulis bagi menyusun isi dengan lebih jelas.
- ✓ Ini memudahkan anda menghubungkan fakta, contoh, dan huraian.



Sumber:  
[https://fr.vecteezy.com/art-vectoriel/3169705-modele-de-carte-mentale-creative?utm\\_source=pinterest&utm\\_medium=social](https://fr.vecteezy.com/art-vectoriel/3169705-modele-de-carte-mentale-creative?utm_source=pinterest&utm_medium=social)

## 5. Tulis dengan Caya Menarik & Kreatif

- 📝 Gunakan ayat pendek & padat – Elakkan ayat yang terlalu panjang dan sukar difahami.
- 📝 Gunakan bahasa santai tetapi informatif – Sesuaikan dengan konsep majalah.
- 📝 Sisipkan fakta menarik – Tambahkan fakta unik, statistik, atau petikan tokoh.
- 📝 Gunakan nada bercerita (storytelling) – Jika sesuai, mulakan artikel dengan cerita pendek atau kisah inspirasi.


📊 Gunakan gambar, carta, atau grafik untuk menjadikan kandungan lebih menarik.

📌 Pastikan setiap visual relevan dengan isi kandungan dan tidak mengganggu pembacaan.

Tip: Gunakan Canva (<https://www.canva.com/>) untuk membuat infografik yang menarik.

## 6. Tambahkan Elemen Visual & Infografik

“ Contoh data yang dipersembahkan melalui bentuk infografik ”



Sumber:  
<https://www.mindonmap.com/ms/blog/infographic-maker/>

## 7. Susun dengan kreatif

- ✓ Pastikan susunan maklumat menarik dan tidak terlalu padat.



SUMMER ESCAPES

### ORMARA- A PIECE OF HEAVEN

The way of desolate and bleak mountains of different shapes, forlorn road, shrivelled bushes and exhausted path makes it a beautiful place which fade away all exertion that is Ormara. Ormara is a beach which is the side of Arabian Sea. It is located in province Balochistan, Pakistan. It is 340 km away from Karachi and 230 km away from Quetta. It is a coastal town. It is basically a naval area, so any civilian and common person is not allowed to be entered; this is the reason that it is very sanitary and clean beach as compared to other beaches in Pakistan. After entering in Ormara, it is hard to believe that either we are in Pakistan or even in this earth, it looks like paradise where everything is sparkling and attracts towards itself.

Boating in Arabian Sea is also a marvelous experience. Deep sea in which fishes, snakes and sea animals can be seen. The area which covers large area of sea and billowing boat; all this scene is compel us to think either we are dreaming or it is real. There is fishing also, so many visitors can do fishing by them and enjoy it. Walking on sea side is another great experience because there would be snakes skin and dead fishes or even turtles. Sun rise and sun set in Ormara Beach is look like a better taken scene. For a simple moment, a person being expression less. This is all the gift of nature to Pakistan, and these places which make us feel proud to be Pakistani.



### I NEVER THOUGHT THE MOUNTAINS CAN CHANGE THE WAY I SAW LIFE.

Dear All bhai,  
I'll never forget the only time I saw you. It was at the Vanu's Life event in Islamabad a few months ago, but it feels like yesterday. As soon as our eyes met, I waved to you from the audience seats. You placed your hand over your heart with the slight bow and smile. A flower bloomed in my heart and continued to blossom every day since.  
When Saad started mentioning your amazing feats, everything around you diminished. Your stature rose like a giant standing as tall as the mighty K2, stretching your heart out throughout this extraordinary event. I pondered what nature of people capture the spirit of adventure?  
No one but mountaineers. They symbolize adventure and are a prime example of the relentless pursuit of goals. Your breed are true heroes who strip off of comfort zones and forward human potential and experience. How else could we have made it to far corners of the world if not for the brave ones who left their homes in Africa two million years ago? They traversed uncharted plains, deserts, oceans, and mighty mountain ranges to explore what lay beyond the horizon? The remainder of humanity merely followed in their mighty footsteps. In days gone by, those adventurers risked their lives to help us survive and evolve. Today, you carry on that legacy and inspire us by showing how to make the impossible possible.

### THE LAST DANCE

AN OPEN LETTER TO ALI SADPARA - BY KAMRAN ON BIKE

You shouldered other people's loads on your back in places higher than eagles fly while nurturing dreams in your heart. You gave other people your strong, steady hand on deadly slopes to help them achieve their goals. When they captured all the headlines, you remained oblivious to most in your own country. For those who don't know about your achievements, how will they know the pain you endured?  
But the pain didn't matter to you. You did everything with utmost unconditional love in a selfless manner; to help others, to bring joy to everyone you met, and to make your country proud.  
As time passed, you climbed higher and higher. As the difficulties mounted, you smiled broader and broader. The striking lines on your cheeks, deep as crevasses, reveal that you lived every moment either in extreme pain or joy. Not in between. Like a majestic lion, you roared the peaks, you danced and danced around the mountains as if charming and seducing them. While for others, mountains proved a battleground, for you, they were your dancefloor. And until the final dance began, you never hesitated in performing, spinning, bending, rising, gliding, and stretching, exploring all possibilities in dance. On and on. Until the end of time. Until the end of the universe. Maybe even beyond that.  
Until we two become one again. One majestic mountain.  
The mountain--far beyond any mountaineer can go--any angels can fly above--and any storyteller can write--will be reborn to the truth. I. We. They. You. And your beloved K2!  
Love

Sumber: <https://publuu.com/knowledge-base/magazine-topics-examples/>

Contoh susunan dalam majalah. Boleh merujuk majalah-majalah dalam talian atau yang bercetak

# KESIMPULAN & CADANGAN

Oleh Nurul Asma  
Photography by Jin Ae Soo

E-majalah adalah versi digital bagi majalah yang biasanya boleh diakses secara dalam talian. Ia memuatkan artikel, gambar, dan kandungan lain seperti dalam majalah cetak, tetapi sering kali dilengkapi dengan interaktiviti, pautan, dan multimedia. E-majalah boleh dibaca melalui komputer, tablet, atau telefon pintar, dan sering kali menawarkan kemudahan seperti pencarian teks dan akses mudah ke artikel atau topik tertentu. Selain itu, ia juga boleh dikongsi melalui media sosial dan e-mel.





**Sila scan untuk  
melihat tutorial e-  
majalah**



*l*

**Scan saya untuk  
belajar  
menggunakan  
platform canva**



Contoh poster iklan  
yang boleh anda  
masukkan ke dalam  
ruangan majalah anda

# IKLAN



## KLINIK ISLAHUL QURAN

### AKTIVITI KLINIK :

- Memahami tajwid
- Sebagai Persediaan untuk penilaian PdP
- Pengukuhan ayat hafazan ayat pilihan
- Memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada pelajar untuk meperbaiki bacaan al-Quran
- Menyemai serta menghayati kandungan al-Quran dalam kehidupan seharian



SCAN  
ME



# **SENARAI SEMAK**

- MUKA HADAPAN**
- ISI KANDUNGAN (MUKA SURAT)**
- SIDANG REDAKSI**
- DARI MEJA KETUA EDITOR/ PRAKATA**
- PENDAHULUAN/INTRO/SEJARAH**
- HURAIAN ISI**
- RESPON ISU SEMASA BERKAITAN TAJUK**
- RESPON NETIZEN TERHADAP TAJUK**
- RESPON AHLI TERHADAP TAJUK**
- CADANGAN & KESIMPULAN**
- MINIMA 5 SUMBER RUJUKAN**
- SISIPAN (IKLAN, GAMBAR RAJAH, INFO)**

#Adalah diingatkan agar semua pelajar tidak menyentuh isu-isu sensitif yang boleh menggugat keharmonian antara agama, kaum dan bangsa

# RUJUKAN

01

**Design Work Plan.** (t.t.). *Signage and color contrast.* Dicapai pada 9 Oktober 2024, daripada <https://www.designworkplan.com/read/signage-and-color-contrast> (link panduan pemilihan warna)

02

**Jabatan Penerangan Malaysia.** (t.t.). *Jendela* (Edisi 124). Dicapai pada 9 Oktober 2024, daripada [https://dbook.penerangan.gov.my/dbook/dmdocuments/jendela\\_124/mobile/index.html](https://dbook.penerangan.gov.my/dbook/dmdocuments/jendela_124/mobile/index.html)

03

**Chan, M. F., Kong, Y. C., & Lim, S. C.** (t.t.). *Cara menulis artikel.* Dicapai pada 20 Februari 2025, daripada <https://www.scribd.com/doc/101837908/>

04

**Sinar Harian.** (18 Januari 2024). *Kadar minat membaca rakyat Malaysia kini hampir 90 peratus.* Dicapai pada 24 Februari 2025, daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/692586/berita/nasional/kadar-minat-membaca-rakyat-malaysia-kini-hampir-90-peratus>

05

**Berita Harian.** (2024, 6 Jun). *Kes buli pelajar perempuan: Mangsa tarik laporan polis.* Dicapai pada 10 Oktober 2024, daripada <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/06/1264136/kes-buli-pelajar-perempuan-mangsa-tarik-laporan-polis>

06

**Vecteezy.** (t.t.). *Modèle de carte mentale créative.* Vecteezy. Dicapai pada 3 Mac 2025, daripada <https://fr.vecteezy.com/art-vectoriel/3169705-modele-de-carte-mentale-creative>

07

**MindOnMap.** (t.t.). *Best 10 infographic makers to create creative infographics online for free.* MindOnMap. Dicapai pada 20 Februari 2025, daripada <https://www.mindonmap.com/ms/blog/infographic-maker/>



TUANKU SULTANAH BAHIYAH

e ISBN 978-629-7778-03-7



9 786297 778037